

15 OCT 2003

Abdullah-Umno

CALON BN MESTI BERWIBAWA DAN BOLEH BERI KEMENANGAN, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang mestilah terdiri daripada mereka yang berwibawa dan mampu menjamin kemenangan parti.

"Yang pentingnya dalam hal yang berkaitan pilihan raya, kita hendak pilih calon yang berwibawa dan yang boleh mendapat sokongan daripada pengundi untuk memberikan kemenangan kepada BN," kata Timbalan Perdana Menteri.

"Calon-calon itu sama ada daripada golongan yang muda atau dewasa berpengalaman, kita tidak kiralah siapa juga... tapi sekiranya ada ruang untuk memberikan kepada golongan muda untuk muncul sebagai calon, itu satu perkembangan yang baik untuk BN pada masa hadapan," katanya kepada pemberita selepas melawat Ekspo OIC 2003 di sini.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, yang menasihati ahli politik veteran BN yang masih memegang jawatan supaya mengundurkan diri dan membantu muka baru berkempen bagi menjamin kemenangan parti pemerintah.

Sambil menyifatkan kenyataan Dr Mahathir sebagai "satu nasihat ikhlas", Abdullah berkata beliau menyambut baik ahli politik yang secara sukarela ingin memberi laluan kepada muka baru untuk bertanding pada pilihan raya umum.

Dr Mahathir yang akan melepaskan jawatannya akhir bulan ini, dalam temubual eksklusif dengan Bernama, berkata telah tiba giliran penyandang politik yang telah lama berkhidmat memberi peluang kepada muka baru mengambil alih peranan mereka berkhidmat kepada rakyat.

Malaysia bakal mengadakan pilihan raya umum sebelum mandat lima tahun kerajaan sedia ada berakhir pada November 2004.

Abdullah juga ditanya mengenai nasihatnya sebelum ini berhubung kehadiran anggota Parlimen BN pada persidangan Dewan Rakyat merupakan antara kriteria yang akan diambil kira bagi pemilihan calon pilihan raya.

Bagaimanapun, nasihat seolah-olah tidak diendahkan apabila persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung sekarang terpaksa ditangguhkan beberapa kali berikutan kekurangan korum.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau tidak menyedari perkara itu dan akan memastikan ia tidak berulang.

Abdullah yang juga Ketua Whip BN, berkata beliau akan mengulangi nasihatnya bagi memastikan anggota Parlimen BN sentiasa hadir bagi mengelak persidangan terganggu.

-- BERNAMA

HS HS LAT